

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

DARIPADA : **Puan Teo Nie Ching [Kulai]**

SOALAN : **476**

PR-1361-T01976

Puan Teo Nie Ching [Kulai] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan rancangan untuk memastikan penduduk-penduduk Kampung Melayu Sedenak, Kulai dapat menikmati perkhidmatan Telekom Malaysia termasuk talian telefon dan internet.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, buat masa ini, kemudahan perkhidmatan streamyx dengan kelajuan sehingga 1Mbps telah tersedia di kawasan tersebut sejumlah 348 port internet.

Daripada jumlah tersebut, sebanyak 65 port telah digunakan untuk pelanggan talian telefon tetap dan 31 port lagi adalah bagi pelanggan streamyx. Masih terdapat baki sebanyak 252 port untuk dilanggani di kawasan berkenaan.

Pihak Telekom Malaysia (TM), juga turut merancang untuk menaik taraf perkhidmatan internet Unifi di kawasan berkenaan pada tahun 2019.